

Dua Pemimpin Umno P.Pinang Gesa Speaker DUN Henti Fitnah Penjualan Tanah Di Balik Pulau
Bernama
24 Julai, 2012

GEORGE TOWN, 24 Julai (Bernama) -- Dua pemimpin Umno Pulau Pinang akan mengheret Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) negeri, Datuk Abdul Halim Hussain ke mahkamah jika berterusan mengeluarkan kenyataan berbentuk fitnah melibatkan penjualan tanah di Kampung Terang, Balik Pulau.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Musa Sheikh Fadzir dan Ketua Umno bahagian Bukit Gelugor, Datuk Omar Faudzar membuat keputusan itu setelah Abdul Halim yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) dilihat kerap mengeluarkan kenyataan yang tidak berasas.

"Apa yang saudara Halim kata empat bulan atau lima bulan itu (tempoh penjualan tanah Kampung Terang) satu pembohongan yang paling besar. Saya nak maklumkan kalau sekali lagi saudara Halim masih mengatakan bahawa empat bulan, saya tidak akan jumpa pemberita lagi, saya akan bawa perkara ini ke mahkamah," kata Omar kepada pemberita di sini, Selasa.

Omar yang juga Pengarah Urusan Aseania Group Sdn Bhd sekali lagi menafikan dakwaan Abdul Halim yang mengatakan syarikatnya meraih keuntungan dalam masa empat bulan apabila menjual tanah itu pada harga RM13.5 juta pada Mei lepas, selepas membelinya pada harga RM8.5 juta, Januari lepas.

Beliau menjelaskan syarikat itu membeli tanah tersebut pada 4 Okt 2010 dengan harga RM22 sekaki persegi sebelum menjualnya kepada Kay Pride Sdn Bhd dengan harga RM33 sekaki persegi pada 10 Jan lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682865>

